

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 31 RABU 2 OGOS, 1967. 1387 رابو 25 ربيع الاخير PERCHUMA

ISTIADAT BERKHATAN BAGI DUA ORANG PUTERA2 BAGINDA DI-LANGSONGKAN HARI INI



**YANG TERAMAT MULIA
PENGIRAN MUDA
SUFRI BOLKIAH**

BANDAR BRUNEI.— Satu Istiadat Berkhatan Di-Raja, akan di-langsungkan di-Istana Darul Hana pada hari ini, dalam mana dua orang putera Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri akan berkhatan.

Kedua2 orang putera itu ia-lah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Pengiran Muda Sufri Bolkiah di-puterakan pada 31 Julai 1951, manakala adinda-nya Pengiran Muda Jefri Bolkiah di-puterakan pada 6 Disember 1954.

Satu perarakan mengelilingi Bandar Brunei akan di-adakan pada esok hari, 3 Ogos dari pukul satu tengah hari hingga petang.

Semasa di-adakan perarakan itu, semua lalu lintas kenderaan ka-Bandar Brunei dari Tutong akan belok melalui simpang di-batu 8 Jalan Tutong menuju ke-Jalan Gadong, sementara kenderaan yang menuju ke-Tutong dari Bandar Brunei, akan juga melalui Jalan Gadong.

Di-Bandar Brunei, beberapa batang jalan akan di-tutup buat sementara kepada lalu lintas kenderaan biasa, semasa perarakan di-jalankan, dan penarohan kereta tidak di-benarkan di-jalan2 yang di-tutup kerana tujuan2 itu, sa-hingga perarakan berlalu kembali ka-Istana.



**YANG TERAMAT MULIA
PENGIRAN MUDA
JEFRI BOLKIAH**

ISTIADAT JAGA2 BAGI PERKAHWINAN DI-RAJA DI-MULAKAN

BANDAR BRUNEI — Tembakan mariam sa-banyak 19 das telah bergema dari perkarangan Istana tengah hari Isnin lepas sa-bagai menandakan bermula-nya upacara2 perkahwinan Di-Raja di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dengan sa-pupu-nya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof pada 18 Ogos.

Serentak dengan itu, Nobat Di-Raja pun di-palu bertempat di-Balai Pemajangan, dan diikuti pula dengan upacara Gendang Jaga-Jaga dari Balai Jaga-Jaga berhampiran dengan Istana sa-bagai mengingatkan akan berlangsung-nya perkahwinan Di-Raja itu.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'an adalah puteri kedua Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri dan bakal suaminya ada-lah Putera sulong kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Haji Mohamed Alam dan Pengiran Bini.

Dengan berlangsung-nya upacara Gendang Jaga-Jaga, perkarangan Istana sekarang terbuka kepada orang ramai.

Jawatankuasa Perayaan2 Perkahwinan Di-Raja telah meranchangkan berbagai2 hiburan dan pertunjukan bagi pelawat2 ka-Istana di-sabelah

malam. Ia-nya di-mulakan pada malam ini dengan pertunjukan2 kebudayaan dan panchak silat. Semua hiburan2 dan per-

tunjukan di-perkarangan Istana akan di-pertunjokkan samula di-padang besar, Bandar Brunei mulai 8 Ogos.

Gambar bawah: Sa-bahagian dari alat2 bunyi2an yang meng-alunkan 'Nobat Di-Raja' dalam istiadat membuka Jaga-Jaga bagi perkahwinan Di-Raja. Gendang di-tengah2 bernama "Nakara" dan di-kiri kanan bernama "Gendang Labik".



9 September pertandingan "Talentime" peringkat-akhir

BANDAR BRUNEI.—Pertandingan Bakat atau talentime Radio Brunei bagi tahun ini telah memasuki peringkat sa-paroh akhir dengan 16 penyanyi dalam bahagian nyanyi persaorangan atau vocal solo memperdengarkan suara mereka pada 17 dan 24 haribulan Ogos.

Lapan orang peserta telah di-pilih dari daerah Seria/Belait dan 8 dari daerah Brunei/Muara dari sa-ramai 50 orang peserta yang pada mula-nya memasuki pertandingan itu.

Penerbit ranchangan talentime Andrew Phan berkata, 10 orang dari peserta sa-paroh akhir akan di-hapuskan untuk meninggalkan hanya enam orang peserta bagi pertandingan peringkat akhir.

Dalam bahagian nyanyi kumpulan, tiga buah kumpulan dari Brunei/Muara maseh menunggu giliran mereka dan 11 kumpulan dari daerah Seria Belait.

Hanya enam penyanyi berkumpulan akan di-pilih dalam pertandingan yang akan diadakan pada 27 Julai untuk memasuki pertandingan peringkat akhir.

Pertandingan itu termasuk juga kumpulan2 instrumental yang akan mengambil bahagian dan dari 11 buah kumpulan yang akan bertanding pada 10 Ogos, kerana merebut enam tempat bagi peringkat akhir, satu kumpulan sahaja datang-nya dari Brunei/Muara dan yang baki-nya dari daerah Seria Belait.

Pertandingan peringkat akhir bagi bahagian2 yang berlainan itu akan di-adakan di-dewan Maktab Anthony Abell di-Seria pada 9 September, mulai dari pukul 8-00 malam.

Peserta yang berjaya dalam bahagian pertandingan nyanyi persaorangan akan menerima hadiah tiket perchuma pergi dan balik dari Singapura serta juga sa-buah piala yang menarek, besar-nya 24 inci.

Peserta yang berjaya dalam bahagian kumpulan akan menerima sa-buah alat perakam suara dan bagi bahagian instrumental yang terbaik sekali akan menerima hadiah sa-buah radio.

DUA PENUNTUT DAPAT HADIAH BIASISWA SHARIKAT SHELL

SERIA.— Sharikat Minyak Shell Brunei telah menghadiahkan biasiswa kepada Awang Victor Loo Chi Chong dan Awang Stephen Lai Hon Fook untuk mengikuti kursus diploma sa-lama tiga tahun di-Maktab Teknik di-Kuala Lumpur.

Awang Vivtor Loo akan menuntut ilmu kejuruteraan letrik dan Awang Stephen Lai dalam bidang ilmu kejuruteraan jentera. Mereka telah berlepas dari Brunei ka-Kuala Lumpur dalam minggu lepas.

Sa-orang juruchakap sharikat B.S.P. berkata kedua biasiswa itu ada-lah sesuai dengan dasar sharikat memberikan beberapa biasiswa bagi pelajaran tinggi tiap2 tahun kepada pelajar2 Brunei yang paling berkelulusan yang telah menyahut iklan tawaran biasiswa2 itu sa-tiap tahun.

Pada tahun lalu, terdapat 13 orang pelajar Brunei yang menuntut atas tanggungan biasiswa sharikat B.S.P. di-Maktab Teknik, Kuala Lumpur, Polytechnic di-Singapura, Universiti Malaya, Universiti Australia Barat dan Universiti2 di-United Kingdom.

Juruchakap itu menegaskan, sharikat B.S.P. menghadiahkan juga dermasiswa2 pada tiap2 tahun kepada kanak2 raayat Brunei yang di-fikirkan layak dan berkelulusan untuk membantu mereka menamatkan pelajaran menengah hingga kaperingkat sijil tinggi persekolahan.

Tiap2 satu biasiswa itu ber-

harga \$500 sa-tahun.

Biasiswa2 tersebut ada-lah sa-bagai tambahan kepada biasiswa2 yang di-tawarkan kepada anak2 pekerja2 sharikat B.S.P.

Bakal ketua kg. Panchong Biong

TUTONG.— Penduduk2 Panchong Biong baru2 ini telah memilih Awang Mosim bin Mantok sa-bagai bakal ketua kampung mereka di-satu perjumpaan yang berlangsung di-Sekolah Melayu Panchong Layong.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah hadir di-perjumpaan itu.

Pengiran Othman berkata, jika kerajaan meluluskan perlantikan Awang Mosim, beliau ia-lah ketua kampung yang pertama bagi kampung itu.

Di-bawah peratoran dalam pelantikan sa-orang ketua kampung, nama sa-orang calon hendak-lah di-kemukakan kepada kerajaan untuk di-siasat.

Kursus ulangkaji kakitangan Jabatan Ugama

BANDAR BRUNEI.— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-jadualkan akan merasmikan pembukaan kursus ulangkaji yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama bagi Pegawai2 dan guru2 Ugama pada 13 Ogos jam 10.00 pagi.

Kursus itu akan di-adakan di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah di-Bandar Brunei dan akan di-hadiri oleh kebanyakan dari guru2 sekolah ugama.

Lebeh dari 500 orang guru termasuk 200 orang guru perempuan akan menghadhiri kursus tersebut.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata kursus ulangkaji itu ia-lah untuk membiasakan guru2 dengan kerja2 mereka dan memberikan peluang kepada mereka untuk membincangkan kaedah2 yang dapat memperbaiki chara2 mengajar.

Kursus itu merupakan yang ka-enam pernah di-anjorkan oleh jabatan ugama.

Peserta2 yang akan mengambil bahagian dalam kursus tersebut di-minta berkumpul di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah pada 12 Ogos.

W.I. BRUNEI HADHIRI SEMINAR DI-MANILA



BANDAR BRUNEI.— Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei akan mengambil bahagian dalam seminar daerah bagi Persatuan Perempuan Desa Sa-dunia yang akan berlangsung di-Manila dalam minggu ini.

Yang Di-Pertua Persatuan itu Dayang Rogayah binte Abdul Rahman dan sa-orang ahli jawatankuasa Dayang Norsham binte Ahmad Yunos telah berlepas ka-Manila pada

hari Selasa lepas untuk mewakili negeri Brunei.

Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei ada-lah sa-buah persatuan yang bergabung dengan Persatuan Perempuan Desa Sa-Dunia.

Dayang Rogayah berkata seminar tersebut akan berjalan sa-lama 12 hari untuk membincangkan dua tajok utama ia-itu "puchok pimpinan wanita" dan penghidupan desa serta persafahaman yang lebeh baik menerusi Persatuan Desa Sa-

Dunia itu.

Naib Yang Di-Pertua Perkumpulan Malaysia Che Kamsiah binte Ibrahim akan menjadi pengerusi bagi seminar itu.

Che Kamsiah telah berada di-Brunei sa-lama tiga hari.

Gambar atas menunjukkan Che Kamsiah sedang berucap dalam satu majlis yang di-anjorkan oleh Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei di-Dewan Maktab S.O.A.S. kerana meraikan beliau.

*Gunakan-lah Bahasa
Melayu*

Rekrut2 Pulis berlepas ka-Malaysia Barat

Awang Burns
ingatkan mereka:
jaga nama baik
Brunei

BANDAR BRUNEI — Pesurohja Pulis, Awang J.R.H. Burns minggu lepas telah memeriksa satu perbarisan 150 orang rekrut, sa-belum mereka berangkat ka-Malaysia Barat kerana menjalani latihan di Pusat Latihan Pulis Di-Raja Malaysia.

Rekrut2 itu telah berlepas ka-Kuala Lumpur semalam dan mereka akan berada di pusat itu sa-lama sembilan bulan untuk mempelajari tugas2 am pulis, undang2 dan peratoran2 pulis.

Dalam satu ucapan ringkas, Awang Burns memberitahu rekrut2 itu bahawa dengan memasuki pasukan pulis, mereka memegang satu tanggung jawab untuk menguatkuasakan undang2 dan ketertipan guna memelihara keamanan di-negeri ini.

Belia menggesa mereka belajar apa sahaja yang mereka akan di-ajarkan ketika menjalani latihan supaya apabila mereka pulang ka-Brunei nanti, mereka akan berguna kepada pasukan pulis.

Awang Burns mengingatkan rekrut2 itu supaya menjunjung nama baik negeri Brunei dan pasukan pulis serta mencontohi kejayaan2 yang di-chapai oleh kumpulan2 rekrut yang lampau yang telah menjalani latihan di-Kuala Lumpur.

Kumpulan2 rekrut2 yang lampau dari negeri ini telah berkelakuan baik dan menamatkan latihan mereka dengan chemerlang-nya.

WAKIL BRUNEI II KA-PERTANDINGAN MEMBACHA QURAN DAN SHARAHAN

BUNUT. — Pertandingan membacha kitab suci Al-Qur'an dan sharahan bagi murid2 sekolah Ugama dalam bahagian Brunei II bagi memilih wakil ka-pertandingan peringkat daerah telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Bunut pada hari Juma'at lepas.

Dalam pertandingan membacha Al-Qur'an Brunei II akan di-wakili oleh Ak. Mohd. Yassin b. Pg. Damit, Awg. Ibrahim b. Hj. Juma'at, Dyg. Sari Hj. Supon dan Dyg. Safiah Mohd. Salleh.

Bagi pertandingan sharahan akan di-wakili oleh Awg. Muhsin b. Pudin, Awg. Mohd. Amin b. Abd. Rashid, Dk Masurai bte. Pg. Ali dan Dyg. Saliha bte. Mohd. Salleh.



Pesurohja Pulis Di-Raja Brunei, Awang J. R. H. Burns sedang memeriksa perbarisan yang terdiri dari rekrut2 Pulis Di-Raja Brunei yang telah pun berlepas ka-Kuala Lumpur untuk menjalani latihan lanjut.

Padang Besar di-tutup bagi sokan dan olahraga kerana pertunjukan2 aneka hiboran

BANDAR BRUNEI. — Pengerusi Lembaga Majlis Bandaran Brunei, Awang Ali bin Awang Besar mengumumkan penutupan padang besar Bandar Brunei bagi perlawanan2 sokan dan olahraga.

Mulai dari 2 Ogos hingga 30 September, perlawanan2 seperti bola sepak dan hoki tidak boleh di-adakan di-padang itu.

PENTAS PERTUNJOKAN

Sa-panjang masa itu, padang besar di-perlukan untuk menempatkan pentas2 bagi pertunjukan2 aneka warna dan gerai2 bagi pasar ria untuk merayakan Perkahwinan Di-

Raja.

Sa-telah tamat-nya pesta2 keramaian bagi perkahwinan di-raja itu, padang besar itu akan di-perlukan pula untuk mengadakan pesta2 keramaian kerana menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri, Baginda Maulana Al-Sultan yang ka-51.

Hari Keputeraan Baginda jatuh pada 23 September.

Pertunjukan aneka ragam di-pekarangan Istana dan Padang Besar

BANDAR BRUNEI. — Satu pertunjukan aneka ragam yang di-anjarkan oleh muda mudi negeri ini akan di-persembahkan di-pekarangan Istana sa-bagai sa-bahagian dari pesta keramaian untuk merayakan Perkahwinan Di-Raja.

Setia Usaha Jawatankuasa Malam Aneka Warna Persembahan Belia2 dan Persatuan2 Perkahwinan Di-Raja, Awang Mohamed Yassin bin Said berkata, pertunjukan itu akan di-adakan di-sabelah malam dan telah bermula dari 1 Ogos.

Jawatan kuasa itu akan juga mempersembahkan satu lagi pertunjukan sa-rupa itu di-padang besar Bandar Brunei pada 8 Ogos.

Awang Mohamed Yassin berkata, acara2 dalam pertunjukan itu akan di-persembahkan oleh pertubohan2 belia dalam Daerah Brunei/Muara.

Beliau telah mengundang 31 buah pertubohan serupa itu supaya dengan ada-nya usaha bersama mereka, acara2 yang beraneka ragam akan dapat di-persembahkan di-pekarangan Istana dan juga di-padang besar.

Ingatan bagi bakal2 Haji Brunei tentang pemerasan Sheikh2 Haji

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama berasa kesal atas keputusan sa-tengah2 jema'ah haji tahun lalu yang pergi ka-Mekah di-bawah kelolaan Sheikh2 Haji yang tidak ada hubungan-nya dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Satu kenyataan menegaskan jemaah2 haji yang memilih Sheikh2 Haji yang tidak mendapat kebenaran dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama, biasa-nya di-peras oleh Sheikh2 Haji itu tetapi malang-nya Jabatan Ugama tidak dapat berbuat apa2 kerana ia-nya tidak berkuasa ka-atas Sheikh Haji itu.

Kenyataan itu menasihatkan bakal2 haji bagi tahun 1968 supaya menyerahkan urusan2 mereka kepada Sheikh2 Haji yang mempunyai hubungan

atau mendapat kebenaran dari jabatan tersebut.

KEBAJIKAN JEMA'AH HAJI

Sa-terus-nya kenyataan itu menerangkan, bahawa Sheikh2 Haji yang mendapat kebenaran dari Jabatan Hal Ehwal Ugama tentu-lah akan lebih mengambil perhatian terhadap kebajikan jema'ah2 haji dari negeri ini.

2 OGOS, 1967.

TENAGA BELIA DALAM NEGARA YANG MEMBANGUN

ZAMAN ini sudah umum diketahui sa-bagai zaman yang bergerak begitu chepat dan umat manusia yang berada dalam pergolakan itu merasakan betapa perlu-nya masa dan bagitu mustahak-nya amalan "waspada".

Sa-sabua negara yang dikatakan aman dan ma'mor baik dari segi penghidupan raayat-nya mahu-pun suasana yang melingkari negara itu, tidak-lah bagitu senang di-katakan aman dan ma'mor seratus peratus. Banyak jurusan2 yang perlu diteliti dan di-kaji, terutama jurusan2 dari apa yang di-katakan sa-bagai mempunyai pengaruh yang bagitu besar dan mudah pula tersebar. Tenaga yang menyebarkan pengaruh2 itu sering saja menjalankan jentera-nya dan jarum kompas-nya berputar bagitu ligat pada menuju matalamat yang sudah sedia di-chateikan. Taktik yang disebutkan ini malang-nya tidak pula banyak peratus-nya di-amalkan dalam jurusan2 yang mendatangkan faedah2 yang besar dan berguna bagi penghidupan raayat dan kemajuan negara. Ia-nya di-gunakan oleh golongan2 yang di-katakan sa-bagai "perosak". Negara2 yang berkema'moran saperti Brunei sukar hendak di-katakan sa-bagai "tersisih" dari ancha-man2 itu, maka amat-lah perlu ujud-nya satu tenaga yang kuat dan besar untuk menentang sa-barang perhubungan anasir2 yang kurang menyenangkan itu.

Pesurohjaya Kebajikan, Awg. Salleh bin Haji Masri telah melancarkan seruan demi seruan kepada seluruh belia2 supaya menyatupadukan usaha dan tenaga mereka untuk memelihara keamanan dan kema'moran negara, terutama menyingkirkan musuh2 yang menyeludup masuk ka-dalam barisan mereka. Hanya dengan perpaduan saja anchaman2 itu boleh di-musnahkan.

Sekarang amat jelas bahawa tenaga belia itu amat penting di-satukan dan belia2 yang mengakui chinta kepada negara-nya harus-lah pula mengujudkan satu fahaman yang sa-baik2nya ia-itu memelihara ketenteraman dan keamanan dan harus bertindak tegas pada menentang sa-barang anasir2 yang chuba memecah-belahkan perpaduan mereka. Penting-nya peranan belia itu bukan hanya sekadar mengadakan pertunjukan2 peraduan2 dan sa-umpama-nya, tetapi ada-lah lebih luas dari itu saperti yang banyak terchatet dalam perlembagaan2 persatuan2 belia di-negeri ini ia-itu mengujudkan satu toraf hidup yang lebih baik di-kalangan masharakat keliling mereka. Hal ini kira ada-lah termasuk juga di-segi memelihara dan mengujudkan fahaman hidup bermasharakat yang lebih aman dan menghindarkan pada sa-barang fahaman yang di-fikirkan kurang baik dan berkemungkinan mengancham ketenteraman raayat dan kema'moran negara.

BELIA2 DI-SERU SUPAYA MENENTANG SA-BARANG PEROSAK PERPADUAN

BERAKAS — Pesurohjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah menggesa para belia di-seluruh negeri supaya menyatu padukan usaha dan tenaga mereka untuk memelihara keamanan dan kema'moran negara.

Beliau menyatakan, para belia mesti-lah bangkit untuk menentang anchaman musuh2 yang menyeludup masuk ka-dalam barisan mereka dan mengancham hendak merosakkan perpaduan di-negeri ini.

Pesurohjaya itu berkata demikian ketika berucap di-Kampung Perpindahan Berakas dalam satu perjumpaan untuk merasmikan penubuhan Angkatan Persatuan Pemuda Pemudi kampung tersebut yang di-adakan di-Dewan Sekolah Dato Marsal pada hari Juma'at lepas.

Awang Salleh mengingatkan perjumpaan itu tentang kemungkinan yang sedia ada bahawa ideoloji komunis boleh merebak di-Negeri Brunei sa-bagaimana yang berlaku di-negara2 lain yang aman damai.

FAHAM KOMUNIS

"Faham2 komunis sedang bermaharaja lela dan giat menchari untuk menyeludup masuk ka-negara2 yang berkema'moran saperti Brunei", tegas Awang Salleh.

Lebih lanjut Awang Salleh menegaskan:

"Walau pun Brunei sa-buah negara yang kecil, tetapi ia-nya tetap dengan perlindungan suasana aman dan ma'mor dan kema'moran itu-lah yang chuba di-hanchorkan oleh gerakan2 sabbersib".

Oleh itu, Awang Salleh menyeru belia2 supaya bangkit dengan tenaga raksaksa mereka dan bersatu padu memelihara dan melindungi keamanan dan kema'moran negara yang pada pendapat beliau bahawa dengan perpaduan itu ada-lah merupakan sasaran utama bagi menchegeh sa-barang anasir2 sabbersib.

"Ini-lah waktu dan ketika-nya belia2 yang mengakui diri masing2 sa-bagai raayat Brunei menunjukkan kechintaan me-



AWANG SALLEH

reka terhadap negeri mereka harus bangkit memerangi sa-barang anasir2 yang hendak menghanchorkan perpaduan itu", tegas Awang Salleh.

Mengenai persatuan belia yang baru di-tubuhkan itu, Pesurohjaya Kebajikan telah melahirkan harapan supaya pergerakan2-nya akan sentiasa di-tumpukan atas satu dasar bekerja bagi faedah dan kebaikan negara dan bangsa.

KEBAIKAN NEGARA

Beliau menekankan bahawa jika persatuan2 belia yang telah di-tubuhkan di-seluruh negeri yang bilangan-nya sudah melebihi 50 buah itu benar2 bergerak kerana faedah dan kebaikan negara dan bangsa, maka tidak hairan raayat negeri ini akan sentiasa hidup dalam suasana kebahagiaan.

Mengenai peranan jabatan-nya terhadap persatuan2 belia, Pesurohjaya itu telah menje-

laskan bahawa jabatan beliau ada-lah sentiasa menumpukan perhatian terhadap kebaikan pergerakan2 belia.

Jabatan Kebajikan Masharakat, kata beliau, telah mengadakan peruntukan perbelanjaan di-samping mengadakan kursus belia dan seminar belia dan berpuluh2 belia di-hantar keluar negeri untuk menjalani latehan2.

"Hampir2 \$100,000.00 telah di-peruntukan untuk membelanjai belia2 yang menjalani latehan di-luar negeri," kata Awg. Salleh.

Menyebut mengenai bangunan Pusat Belia yang akan di-bena tidak berapa lama lagi, Awang Salleh mengemukakan bahawa batu asas bagi bangunan yang akan di-bena di-Bandar Brunei itu akan di-letakkan pada 27 Ogos, 1967.

PUSAT BELIA

Upacara meletakkan batu asas itu akan di-lakukan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah yang telah berangkat pulang ka-tanah ayer dari London pada hari Ahad yang baru lalu.

Pusat Belia itu ada-lah salah satu dari berbagai2 projek dan kemudahan2 yang di-sediakan dan di-chadangkan oleh Kerajaan bagi perkembangan pergerakan2 belia di-negeri ini.

Pegawai2 lain yang turut berucap dalam majlis itu ia-lah Pengelola Pergerakan Belia Sa-Negeri Brunei, Awg. Zulkiflie bin Haji Abdullah dan Naib Yang Di-Pertua Majlis Belia Sa-Negeri Brunei, Awg. Sunny bin Haji Idris.



Gambar ini di-ambil di-majlis pembukaan Persatuan 'PERKA'. Barisan depan dari kiri ia-lah Awang Yahya bin Md. Yusof, Setia Usaha Majlis Belia, Pesurohjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri dan Guru Besar, Sekolah Melayu Dato Marsal.

BUKU ILMU ALAM BRUNEI SEDANG DI-SUSUN—DAERAH TEMBURONG DI-CHATET PUNYAI PERANAN YANG PENTING

BANDAR BRUNEI. Sa-buah buku mengenai ilmu 'alam negeri Brunei telah mula di-susun oleh anggota2 dan mahasiswa2 Fakulti Ilmu 'Alam dari Universiti Malaya di-Kuala Lumpur.

Usaha ini di-jalankan kerana selesai-nya kerja2 kajian ilmu 'alam yang di-jalankan oleh rombongan2 mahasiswa dan pensharah2 universiti itu pada awal tahun ini atas anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka.



Yang Berhormat Dato Paduka Haji Awang Jamil

depan Temburong.

Rangka itu mensifatkan tanah di-Temburong sa-bagai subur pada ka-seluruhan-nya dan amat sesuai bagi tujuan2 pertanian.

Sungai2 di-Temburong merupakan sumber2 tenaga letrik yang boleh di-dapati dan kilang2 hydro-elektrik di-situ boleh mengeluarkan tenaga letrik dan kuasa bagi semua keperluan.

Rangka itu menyatakan, sungai2 di-Temburong boleh dibena ampangan2 dengan mudah-nya untuk mengadakan satu sistem taliayer bagi penggunaan seluruh daerah itu.

Dato Paduka Haji Jamil berkata, butir2 yang di-kumpulkan oleh rombongan2 Universiti sekarang sedang di-pileh dan di-susun oleh alat2 komputer untuk menjamin bahawa butir2 itu benar2 betul dan tepat.

PENYUSUN SEDANG ANALISA MA'ALUMAT

Penyusun2 buku Ilmu Alam Brunei itu sedang menganalisa juga ma'alumat2 dan butir2 yang di-perolehi dari jabatan2 seperti jabatan laut, perangkaan, dan perkembangan untuk di-masokkan ka-dalam buku yang di-chadangkan.

Dato Paduka Awang Haji Jamil menyatakan puas hati dengan kemajuan2 yang telah di-buat oleh pihak Universiti dalam usaha menyusun buku ilmu alam itu.

Kata-nya, buku tersebut akan merupakan sumber pen-

ting untuk mendapatkan ma'alumat2 mengenai negeri Brunei dan semua perhatian hendaklah di-ambil untuk menjamin ketebulan ma'alumat2 itu.

Oleh itu, penerbitan-nya tentu-lah akan mengambil masa.

Pengarah itu sa-lanjut-nya berkata, ranchangan untuk menerbitkan buku ilmu 'alam telah dapat di-kerjakan dengan kerjasama dari orang ramai dan ketua2 jabatan kerajaan.

BENTOK MUKA BUMI NEGERI BRUNEI

Beliau sangat2 terhitung budi terutama sekali kepada pemangku Menteri Besar Yang Amat Berhormat Pengiran

Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim kerana meluluskan ranchangan itu termasuk satu projek mengenai chontoh bentuk muka bumi negeri Brunei.

Chontoh itu, yang merupakan chontoh kecil bagi bentuk muka bumi negeri ini akan mempunyai ukuran 10 kaki lebar dengan 12 kaki panjang, di-jangka akan siap untuk dipamerkan di-dalam bilek pameran Dewan Bahasa menjelang akhir bulan September.

Chontoh tersebut akan menunjukkan bentuk muka bumi negeri ini dengan nyata dan jelas, ia-itu bentuk muka bumi seperti tanah2 paya, gunung2 sungai, jalan raya, bandar dan kampung, penduduk2 serta hasil mahsul negeri ini.

PEMIMPIN2 BELIA HADHIRI KURSUS DI-KUALA KUBU

BERAKAS.— Empat orang pemimpin belia telah bertolak ka-Malaysia Barat pada hari Ahad lepas untuk menghadiri satu kursus sa-lama tiga minggu mengenai puchok pimpinan belia di-Pusat Latehan Belia Kebangsaan di-Kuala Kubu Bahru, Selangor.

Kursus yang telah di-mulakan pada hari Isnin yang lepas itu akan berakhir pada 20 Ogos.

Empat orang pemimpin belia itu ia-lah Awang Shahbudin bin Abdul Rashid dari Danau, Awang Omar Ali bin Haji Mohiddin dari SAKAM, Awang Tengah bin Abdullah dari Ikatan Belia Gadong dan Awang Mohmed Zain bin Abdul Ghani dari KUBU.


Kumpulan itu merupakan kumplan ke-tiga yang di-hantar oleh Jabatan Kebajikan kerana menjalani latehan di-pusat tersebut dalam tahun ini.

Empat orang pemimpin belia yang telah pergi ka-pusat itu pada awal bulan Julai yang lalu telah kembali ka-tanah ayer pada hari yang sama.

Mereka ia-lah Dayang Nor-mah binte Yahya, Awang Mohamed Saad bin Taib, Awang Gharif bin D. S. Laila Samad dan Dayang Naemah binte Metassan.

Jabatan Kebajikan setakat ini telah menghantar pemimpin2 dari 36 buah pergerakan belia di-negeri ini untuk mendapatkan latehan di-Malaysia Barat.

Gambar bawah menunjukkan ketika ke-empat2 pemimpin belia itu di-gambar di-Lapangan Terbang Berakas sa-belum mereka bertolak ka-Malaysia. Dari kanan ia-lah Awg. Omar Ali bin Hj. Mohiddin, Awang Md. Zain bin Abdul Ghani, Awang Shahbudin bin Abd. Rashid dan Awang Tengah bin Abdullah.



Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 2 Ogos, 1967 hingga ka-hari Selasa 8 Ogos, 1967 ada-lah seperti bi-bawah ini:—

Matahari Terbit							Matahari	
Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
2 Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16	
3 Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16	
4 Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16	
5 Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16	
6 Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	
7 Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	
8 Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembhyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Jawatan-Jawatan kosong

DI-JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

PEMBANTU RANCHANGAN TINGKATAN III

KELAYAKAN2:

(a) Bahagian Melayu:

(4 kekosongan)

Mesti-lah lulus Form III Inggeris dan Darjah V Melayu.

(b) Bahagian China:

(2 kekosongan)

Mesti-lah lulus Form II Inggeris atau yang bersamaan dan "Chinese Senior Middle Three.

Chalon2 akan di-uji bagi menentukan sama ada mereka sesuai untuk jawatan ini.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D. 1 - 2 - 3 EB 4 - \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon2 yang berjaya yang bukan dari raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara kontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Chalon2 yang terdiri dari raayat atau berhak di-daftarkan menjadi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

BAKSIS:

Bagi chalon2 yang berjaya yang di-lantek sa-chara ber-

kontrek, baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Ogos, 1967.

Sa-bagai Tukang Lukis di-Talikom

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan untuk memenohi satu jawatan sa-bagai Tukang Lukis di-Jabatan Talikom, Brunei.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- (a) Pemohon2 hendak-lah lulus Form III dalam bahasa Inggeris atau yang sa-imbang dengan-nya; dan
- (b) Pemohon2 hendak-lah sakurang2-nya telah mempunyai pengalaman sa-lama 3 tahun sa-bagai Tukang Lukis.

GAJI:

Dalam sukatan gaji E. 1 - 2 EB 3 - \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330 sa-bulan.

Permohonan2 hendak-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Ogos, 1967.

PENOLONG PENGARANG DI-DEWAN BAHASA

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan Penolong Pengarang di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei (satu jawatan kosong).

KELAYAKAN2 DAN

PENGALAMAN:

- (a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan bahasa Melayu yang baik.
- (b) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang baik dalam hal mengarang makalah dan cherita pendek.
- (c) Berpengalaman dalam kerja2 Majallah dan akhbar sa-lama sekurang2-nya dua tahun.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$380x20 - 480/EB/500x20 - 620 sa-bulan.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS:

Bagi chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

CHUKAI PENDAPATAN:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.


Butir2 mengenai syarat perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Ogos, 1967.

Babi2 di-suntek

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian mengumumkan bahawa Pegawai Haiwan lancharkan gerakan menyuntek babi2 untuk menchegeh dari penyakit demam babi guna melindungi ternakan2 babi di-negeri ini.

Langkah ini merupakan usaha terakhir untuk melindungi binatang2 itu dari menjangkit demam babi seperti yang terjadi di-Miri dan Sabah.



KECHEPATAN TIDAK BERERTI JIKA KESEMPURNAAN DAN PERATORAN TIDAK DI-IKUTI.

Hoki kalah mati SOAS kalahkan SMMP

BANDAR BRUNEI — Dalam perlawanan hoki kalah mati bagi sekolah menengah, Maktab SOAS berjaya mengalahkan SMMP dengan satu gol tidak berbalas di-padang SMJA pada hari Ahad lepas.

Dalam perlawanan league hoki daerah Brunei, Pulis mengalahkan Maktab SOAS II dengan dua gol berbalas satu di-padang SMJA.

Pasokan Pulis johan bola tampar

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan bola tampar amateur sachara terbuka yang menggunakan sistem kalah mati telah berakhir pada hari Isnin dengan Pasokan Pulis munchol sa-bagai johan.

Mereka berjaya mengalahkan Pasokan SMMP yang menyandang naib johan dalam set pertama dan kedua dengan kiraan mata 21-19, 21-10 di-padang SMJA.

Perlawanan itu yang pertama kali di-anjarkan di-Bandar Brunei ada-lah di-bawah penyeliaan Jabatan Pelajaran.

BOLA SEPAK PIALA BORNEO BRUNEI HANTAR 20 PEMAIN

BANDAR BRUNEI — Perlawanan bola sepak Piala Borneo akan di-adakan di-Sandakan dari 15 hingga 17 Septembar.

Setiausaha Persatuan Bola Sepak Sa-negeri Brunei Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indera berkata, Brunei akan menghantar 20 orang pemain bola sepak ka-Sandakan untuk menentang pasukan2 dari Sarawak dan Sabah.

Awangku Idris berkata, pemain2 yang mewakili akan dipileh oleh sa-buah jawatankuasa khas.

Perlawanan Piala Borneo itu pada mula-nya di-ranchangkan untuk di-adakan dari 18 hingga 20 Ogos.

Ia-nya telah di-ubah kepada tarikh baru berikutan dengan rayuan yang di-sampaikan oleh Persatuan Bola Sepak Brunei, memandangkan kepada Perkahwinan Di-Raja yang akan datang itu.

\$300,000 pembenaan madrasah untuk umat Islam di-Muara

PEKAN MUARA — Masjid Muara akan mempunyai sa-buah madrasah bagi darjah2 ugama Islam dan perhimpunan orang2 Islam di-kawasan itu.

Kerja2 untuk membena madrasah itu yang tidak jauh dari bangunan masjid sedang berjalan dengan lancar-nya dan apabila selesai kelak, ia-nya akan menelan belanja sa-banyak kira2 \$300,000.

Sa-orang juruchapak Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, pembenaan madrasah itu adalah sejajar dengan dasar jabatan tersebut untuk membena sa-buah madrasah berhampiran dengan tiap2 masjid di-negeri ini.

Kata-nya, madrasah itu akan

dapat menggantikan masjid dari di-gunakan bagi perhimpunan2 dan perbinchangan2 ugama yang sa-molek2 di-adakan di-sabua madrasah.

Masjid di-maksudkan terutama untuk sembahyang berjamaah seperti sembahyang Jumaat dan sembahyang hari raya.

Murid2 Tua Sek. Pertukangan kalahkan Sumbiling

BANDAR BRUNEI. — Dalam Perlawanan bola sepak anjoran Majlis Belia di-padang besar Bandar Brunei petang hari Ahad lepas pasukan bekas penuntut2 sekolah pertukangan bahagian "A" berjaya mengalahkan pasukan Sumbiling dengan satu gol kosong.

Pasukan Sumbiling yang menjadi johan tahun lalu, telah kehilangan peluang untuk menyamakan kedudukan dan untuk memenangi dalam perlawanan yang bersungguh2 itu.

Dalam satu tendangan penalty yang di-berikan kepada pasukan Sumbiling pemain Zainal Taha gagal membuat jaringan.

Terdahulu dari itu Zainal Taha menendang bola melimpasi atas gol, sa-telah berjaya menembusi pertahanan pasukan bekas Penuntut2 Pertukangan.

Pemain Ali Talib, meniaringkan satu gol bagi pasukan bekas penuntut, dalam sa-parah masa pertama.

Perarakan kereta berhias dan tanglong bagi raikan Perkahwinan Di-Raja

BANDAR BRUNEI — Kereta2 berhias dan perarakan tanglong telah di-masokkan sa-bagai salah satu achara dalam pesta2 keramaian untuk merayakan perkahwinan di-raja di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof pada 18 Ogos.

Setia Usaha Jawatankuasa Perarakan2 Darat bagi Perkahwinan Di-Raja, Awang Yaakup bin Mohamed Yassin berkata, kereta2 berhias itu akan di-persembahkan oleh sharikat2 perniagaan, persatuan2 dan kumpulan termasuk sekolah2 dan maktab2 di-negeri ini.

Perarakan kereta berhias itu akan di-adakan pada siang hari dan pada sa-belah malam.

Awang Yaakup berkata, sa-lain dari kereta2 berhias itu, jawatankuasa-nya juga berchadang hendak mengadakan satu perarakan tanglong. Perarakan itu akan di-adakan di-sabalah malam.

Mereka yang ingin memasuki perarakan2 kereta berhias dan tanglong hendaklah membuat permohonan kepada jawatankuasa, di-alamat Setor Kerajaan di-Bandar Brunei tidak lewat dari 13 Ogos.

DUA BUAH PESAWAT HELIKOPTER AMDB SELAMATKAN NELAYAN2 MALAYSIA

BERAKAS — Dua buah pesawat helikopter Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei minggu lepas telah menyelamatkan empat orang nelayan Malaysia yang telah hanyut sa-lama tujuh jam di-luat pantai Berakas.

Nelayan2 itu telah pergi menangkap ikan tetapi motobot mereka telah tenggelam dalam satu kejadian angin ribut yang berlaku dengan tiba2. Kejadian itu berlaku kira2 3½ batu dari pantai Berakas.

Kaptan Robert Burke dari platoon pesawat helikopter yang telah menyelamatkan dua orang dari nelayan2 itu berkata, beliau sedang kembali ka-Berakas dalam satu penerbangan biasa dari Labuan apabila ia ternampak empat orang menggeledar dalam Laut.

Dengan bantuan pelampung2, beliau berjaya mendarat dengan selamat-nya dan membawa dua orang dari nelayan2 itu ka-pantai.

Sementara itu, gerakan menyelamat yang di-lakukan oleh Kaptan Burke telah di-saksikan oleh sa-orang awam yang berada di-tepi pantai.

Orang itu telah meminta pertolongan dan Kaptan John Bleaden pun berangkat dalam sa-buah pesawat helikopter Wessex bersama2 dengan Sarjan Jerry Hill dan Peribet Hamdan bin Amba untuk menyelamatkan dua orang nelayan yang lain itu.

Nelayan2 tersebut di-kenali sa-bagai Yusof bin Abu Bakar, Ngah bin Ali, Ngah bin Mohamed dan Salleh bin Mohamed, ka-semua-nya dari negeri Kelantan, Malaysia Barat.

Mereka bekerja dengan sa-orang penjual ikan bangsa China di-Muara.

Sa-jurus sa-lepas mendarat di-kawasan pendaratan helikopter, Khemah Berakas, nelayan2 itu telah di-kejarkan ka-rumah sakit pasokan Askar Melayu Di-Raja.

Sa-lain dari leteh yang amat sangat di-sebabkan dari keadaan terdedah, kepada hujan dan panas keadaan mereka minggu lepas di-sifatkan sa-bagai tidak berat.



Gambar atas menunjukkan ke-empat2 orang kakitangan 'platoon helikopter' AMDB yang menyelamatkan nelayan2 Malaysia itu. Dari kiri Sgt. Jerry Hill, Pte. Hamdan bin Amba, Kaptan John Bleaden dan Kaptan Robert Burke.

Y.T.M. DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA BERANGKAT PULANG KA-TANAH AYER

BERAKAS.— Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah telah berangkat pulang ka-tanah ayer pada hari Ahad lepas dari United Kingdom.

Duli Yang Teramat Mulia telah berangkat tiba bersama2 dengan adinda-nya, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dengan kapal terbang yang mendarat di lapangan terbang Berakas pada pukul 12.00 tengah hari.

Mereka di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.

Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan telah di-alu2kan keberangkatan pulang di-lapangan terbang oleh antara lain Yang Terutama Pesurohaya Tinggi British Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Berhormat pemangku Menteri Besar, Yang Berhormat pemangku Setia Usaha Kerajaan ahli2 yang berhormat dari majlis2 mashuarat, cheteri, ketua2 jabatan serta pegawai2 perkhidmatan pentadbiran. Mufti Negeri Brunei, Sahibul

Fadzilah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz telah membaca do'a selamat atas ka-berangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan dengan selamat-nya. Gambar bawah kelihatan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota sa-tiba-nya di-Lapangan Terbang Berakas dan sa-jurus kemudian do'a selamat di-bacakan. Di-antara yang mengalu2kan ketibaan Duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha serta Pesurohaya Tinggi British di-Brunei, Awang F. D. Webber.



SELAMAT BERLATEH KAPADA REKRUT2 PULIS

BANDAR BRUNEI.— Tambatan kecil Subok telah di-banjiri oleh ramai sanak saudara dan sahabat handai kapada 100 orang rekrut2 Pulis Di-Raja Brunei kerana mengucapkan selamat belayar kapada mereka yang akan menjalani latehan di-Depoh Latehan Pulis Di-Raja Malaysia sa-lama kira2 9 bulan.

Rekrut2 itu telah berlepas dengan kapal Kerajaan M. V. Bolkiah menuju Labuan pada pagi kelamari dalam perjalanan mereka ka-Kuala Lumpur.

Dua buah gambar menunjukkan

Timbalan Pesurohaya Pulis Di-Raja Brunei Pengiran Dato Pahlawan Jaya mengucapkan selamat

belayar kapada mereka dan gambar bawah ia-lah pemandangan penoh sesak di-Tambatan Kecil Subok.



D.Y.M.M. kurniakan bintang keberanian kapada 2 pegawai AMDB

BANDAR BRUNEI.— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah menganugerahkan bintang keberanian kapada dua orang pegawai Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam satu upacara di-Istana pada hari Sabtu lepas.

Kedua orang pegawai itu Major J. R. E. Laird dan Major Herbert Marshall telah di-anugerahkan Bintang Pwira Agong Negara, P.A.N.B., darjah pertama.

Satu kenyataan rasmi berkata, Major Laird dan Major Marshall melancarkan dengan chemerlang gerakan bagi menawan empat orang saki baki pemberontak2 Tentera Nasional Kalimantan Utara di-kawasan Temburong pada 8 Oktober, 1966.

Major Laird pada ketika itu menyandang jawatan pemerintah pasokan yang berpangkalan di-Bangar, ibu kota bagi Daerah Temburong.

Upacara itu telah di-hadiri oleh antara lain, Yang Terutama Pesurohaya Tinggi British Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan ahli2 berhormat dari majlis mashuarat.

Pesurohaya Mahkamah Besar Negeri Brunei angkat sumpah

BANDAR BRUNEI.— Tuan Hakim W. F. Pickering telah mengangkat sumpah sa-bagai sa-orang Pesurohaya Mahkamah Besar Negeri Brunei dalam satu istiadat yang telah diadakan di-Istana Darul Hana dalam minggu lalu.

Istiadat itu telah di-saksikan di-antara lain oleh Yang Terutama Pesurohaya Tinggi British, Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohamed dan Pemangku Peguam Negara.

